

**NO. SOALAN: 22**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN  
[ PENGKALAN CHEPA ]**

**TARIKH : 1APRIL 2015**

**RUJUKAN : 7597**

**SOALAN:**

**Dr. Haji Izani bin Haji Husin [ Pengkalan Chepa ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa ramaikah anggota polis di daerah Kota Bharu yang ditangkap atau diambil tindakan kerana terlibat dengan pengedaran dadah atau terlibat dalam penyalahgunaan dadah dalam tempoh 5 tahun dari 2010 hingga 2014.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**PDRM amat memandang serius terhadap isu penglibatan dan penyalahgunaan dadah di kalangan warga polis. Pemeriksaan integriti (*integrity testing*) dengan membuat pemeriksaan saringan air kencing terhadap warga polis sentiasa dijalankan samaada secara berkala atau *spotcheck* oleh pegawai Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) dengan kerjasama pegawai Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik. Ini bertujuan untuk memastikan setiap warga polis bersih daripada sebarang penglibatan dan penyalahgunaan dadah. Tindakan tegas akan diambil sekiranya mereka didapati terlibat dengan pemilikan atau penagihan dadah samaada dari segi undang-undang dan juga tindakan tatatertib.**

**Statistik tindakan tatatertib terhadap pegawai dan anggota yang terlibat dalam pemilikan dan penyalahgunaan dadah bagi Ibu Pejabat Polis Daerah Kota Bharu, Kelantan bagi tahun 2010 sehingga 2014 seperti berikut:-**

	2010	2011	2012	2013	2014	JUMLAH
<b>Jumlah laporan</b>	<b>1</b>	<b>8</b>	<b>2</b>	<b>2</b>	<b>8</b>	<b>21</b>
<b>Dalam Perbicaraan Mahkamah</b>	<b>-</b>	<b>5</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>3</b>	<b>8</b>
<b>Dalam Siasatan</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>6</b>
<b>Keputusan Negatif</b>	<b>-</b>	<b>2</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>2</b>	<b>4</b>
<b>Buang Kerja</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>3</b>